

MADANI

KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN

a) **Tabarru'**

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana Peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta-peserta, jika diperlukan.

b) **Wakalah**

Pelan ini menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana Peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakili hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap peserta.

c) **Dana Risiko Peserta (DRP)**

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) berdasarkan nisbah yang telah ditetapkan. Lebih daripada DRP membuat peruntukan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan. Jumlah yang perlu dibayar kepada peserta akan dilaburkan semula dan dikumpulkan dalam DPP.

d) **Dana Pelaburan Peserta (DPP)**

Sebarang baki sumbangan akan diperuntukkan ke dalam DPP. Pada setiap akhir tahun kewangan, 85% daripada sebarang keuntungan pelaburan akan dilaburkan semula ke dalam DPP. Baki 15% daripada keuntungan pelaburan akan diperuntukkan kepada Pengendali Takaful untuk menguruskan DPP berasaskan kontrak Mudarabah. Mudarabah adalah kontrak persetujuan bersama di antara Kami dan peserta untuk keuntungan pelaburan. DPP akan dikumpulkan dan akan dibayar kepada peserta pada penghujung tempoh sijil atau selepas sijil ditamatkan.